

Pelaksanaan DEB sentiasa diawasi — Dr. Mahathir

(Y)
24 OKT 1978
DATO SRI Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Jabatan Perdana Menteri melalui beberapa agensi di bawahnya sentiasa menjalankan pengawasan dan pengawalan yang berkesan bagi mengatasi sebarang kesilapan dan penyelewengan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Sewaktu menjawab soalan Senator Encik T.S. Gabriel, di Dewan Negara petang ini, beliau berkata, langkah itu juga untuk mempercepatkan kemajuan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

KUALA LUMPUR, Isnin

Katanya, agensi-agensi tersebut dikehendaki menyediakan maklumat-balas-makluman-balas kepada Kerajaan berhubung dengan sebarang kesilapan dan penyelewengan serta mengadakan syor untuk mengatasi masalah tersebut untuk memastikan matlamat Dasar Ekonomi Baru dapat dicapai dengan berkesan untuk faedah semua rakyat Malaysia.

Selain daripada itu penyelewengan dari segi pentadbiran pelaksanaan Dasar Ekonomi

Baru keseluruhan kemungkinan boleh berlaku sebahagian besarnya disebabkan oleh salah tafsiran.

Dan dalam hubungan ini, katanya, arahan telah dikeluarkan kepada semua pegawai untuk memahami tujuan dan semangat DEB serta RMT supaya dapat menjalankan tugas mereka selaras dengan kehendak DEB.

Katanya lagi, Kerajaan sedar bahawa kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah bergantung antara lain kepada kelicinan jentera pelaksanaan segala pro-

gram yang telah dirancangkan.

Oleh itu kata beliau Kerajaan sentiasa berusaha untuk mengurangkan sebarang kesilapan dan penyelewengan di berbagai-bagai peringkat pelaksanaan.

Kerajaan berpendapat, tambahnya, usaha-usaha yang berterusan perlulah dijalankan untuk menentukan sesuatu program itu berjalan dengan lancar mengikut jadual, oleh itu sesuatu program akan dinilai dan dianalisa dari masa ke semasa untuk memastikan perjalanan sesuatu program itu menghadapi kesulitan atau tidak.

Dianalisa

Penilaian tersebut akan menentukan faktor-faktor yang mengganggu dan mengendalakan pelaksanaan tersebut, sama ada disebabkan oleh kesilapan atau penyelewengan atau faktor-faktor lain seperti perubahan nilai matawang dunia dan lain-lain lagi.

Seterusnya usaha-usaha ditentukan bagi merancang rancangan untuk memperbaiki kesilapan tersebut bagi mencapai matlamat dan tujuan asal program-program tersebut. Dalam hubungan ini, tegasnya, penilaian tersebut adalah dibuat oleh semua kementerian dan jabatan yang berkenaan semasa sesi belanjawan (tiap-tiap tahun) dan semasa kajian semula rancangan lima tahun (tiap-tiap 2½ tahun).